

Kempen Pulangan Tunai U Mobile untuk Tambah Nilai Selama Setahun
Terma dan Syarat

Penafian:

Kempen ini dijalankan hanya dan secara bebas oleh U Mobile Sdn Bhd yang mana Public Bank Berhad (PBB) dan gabungannya (secara kolektif dikenali sebagai “Kumpulan PBB”) tidak mempunyai kawalan. Penyertaan dalam Kempen ini adalah atas risiko peserta itu sendiri.

Kumpulan PBB tidak dalam apa juga keadaan mempunyai kaitan dengan U Mobile Sdn Bhd atau bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan untuk barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh U Mobile Sdn Bhd, sama ada berkaitan dengan Kempen ini atau sebaliknya. Kumpulan PBB tidak memberi jaminan, representasi atau tanggung jamin, secara nyata atau tersirat berkaitan dengan barang dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh U Mobile Sdn Bhd dan semua perkara berkaitan dengan Kempen ini.

Kumpulan PBB menolak semua liabiliti bagi apa-apa kerugian dan / atau ganti rugi termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa kerugian langsung dan tidak langsung dan kerugian sampingan bagaimana sekali pun yang ditanggung oleh peserta atau mana-mana pihak ketiga berikutan daripada atau yang berkaitan dengan Kempen ini.

Sekiranya terdapat pertikaian berkaitan dengan Kempen ini, peserta hendaklah berurusan secara terus dengan U Mobile Sdn Bhd.

Terma dan Syarat

1. Kempen Pulangan Tunai U Mobile untuk Tambah Nilai Selama Setahun (“**Kempen**”) ini dianjurkan oleh U Mobile Sdn Bhd (No. Pendaftaran: 199101013657 (223969-U) (“**U Mobile**”) yang bermula pada 00:00:00 pada 10 Mei 2021 dan berakhir pada 23:59:59 pada 9 Ogos 2021 (“**Tempoh Kempen**”). Semua penyertaan yang diterima di luar Tempoh Kempen akan ditolak secara automatik.
2. Dengan menyertai Kempen ini, anda bersetuju untuk mematuhi semua terma dan syarat di bawah (“**Terma dan Syarat**”).
3. **Kelayakan untuk Menyertai Kempen**
 - a. Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan Prabayar U Mobile.
 - b. Kakitangan U Mobile dan anggota keluarga mereka tidak dibenarkan untuk menyertai Peraduan ini.
 - c. U Mobile berhak untuk menolak apa-apa penyertaan atau menolak penyertaan tanpa memberi apa-apa sebab.
 - d. Peserta di bawah umur 18 tahun dianggap telah mendapat keizinan daripada ibu atau bapa atau penjaga mereka untuk menyertai Kempen ini.
4. **Mekanisme Kempen**
 - a. Untuk menyertai Kempen ini, anda mestilah:

- i. membeli dan membuat urus niaga Isi Semula Prabayar U Mobile dengan jayanya sebanyak minimum RM30 (**"Isi semula"**) melalui Peruncit yang mengambil bahagian (**"Peruncit"**) yang termasuk tetapi tidak terhad pada Peruncit yang disenaraikan dalam Jadual di bawah dan hendaklah melanggan mana-mana pelan Prabayar U Mobile (GT30, UMI36, UMI26, UMI50, UMI38, UMI30, UMI20, GX38, GX30, GX12) melalui Aplikasi MyUMobile, atau UMB *118*1*1#; atau
- ii. membeli apa-apa pelan Prabayar U Mobile (GT30, UMI36, UMI50, UMI30, GX38, GX30) melalui saluran dalam talian Peruncit yang berikut iaitu Maybank, Bank Muamalat, RHB Bank, Bank Rakyat, Public Bank, Ambank GoPayz, Lazada, Boost dan Shopee;

dalam Tempoh Kempen.

Bil	Kategori	Peruncit
1	Kedai Petrol	Shell
		Petronas
		Petron/Esso Mobil
		Caltex
		BHP
2	Pasar raya Hiper/Pasar raya Besar	Mydin
		Giant
		Aeon
		Econsave
		Tesco
		Village Grocer
		AEON Big
		Cold Storage
		G-Express
		Mercato
3	Kedai Runcit/Serbaneka	7-Eleven
		myNews.com
		KK Supermart
		99 Speed Mart
		Family Mart
		TF Value
		Antop(Hospimart)
		D'Mart
4	Farmasi	Happy Mart
		Cosway
		Watson's
		Guardian
		Caring
5	Lain-lain	BIG Pharmacy
		Ayamas
		Popular Bookstores
		Pernama

		Mr D.I.Y.
		POS Malaysia
		MPH
6	Bank	Alliance Bank
		AmBank
		Agro Bank
		Bank Islam
		CIMB
		Hong Leong Bank
		Bank Muamalat
		Bank Rakyat
		Kuwait Finance House
		BSN
		Maybank
		Public Bank
		RHB
		UOB
7	Kios	PayQuik
8	E-Dompot/Dalam Talian	Touch N' Go
		WeChat Pay
		GoPayz
		Lazada
		Shopee
		Boost
		U Mobile's web portal
		U Mobile's mobile app
9	SEMUA saudagar terminal	E-Pay
		MobilityOne
		Razer

- b. Setiap urus niaga Isi Semula dan pembelian urus niaga pelan Prabayar yang berjaya dibuat seperti yang diperincikan dalam perenggan 4(a) layak untuk menyertai Kempen ini seperti yang tertera dalam Jadual di bawah.

Bulan	Bulan Kempen Dijalankan
Bulan Pertama	10 Mei 2021 – 9 Jun 2021
Bulan Ke-2	10 Jun 2021 – 9 Julai 2021
Bulan Ke-3	10 Julai 2021 – 9 Ogos 2021

- c. Yang berikut adalah ilustrasi untuk layak menyertai Kempen ini:

Urus niaga	Tarikh dan Masa (Isi semula)	Tarikh dan Masa (Pelan prabayar)	Ulasan
Urus niaga 1	Isi semula RM30 pada 11/05/2021	Langgan GX 12 pada 12/05/2021	Layak
Urus niaga 2	Isi semula RM12 pada 11/05/2021	Langgan GX 12 pada 12/05/2021	Tidak layak

			Sebab: Isi semula kurang daripada RM30
Urus niaga 3	Isi semula RM12 pada 11/05/2021	Tidak melanggan pelan prabayar	Tidak layak Sebab: Tidak melanggan pelan prabayar
Urus niaga 4	Isi semula RM30 pada 11/05/2021	Langgan EPIKKK Video3 pada 12/05/2021	Tidak layak Sebab: Tidak melanggan apa-apa pelan GT, GX & UMI. EPIKKK ialah pelan tambahan.
Urus niaga 5	Isi semula RM100 pada 11/05/2021	Langgan UMI 50 pada 08/06/2021	Layak
Urus niaga 6	Isi semula RM50 pada 11/05/2021	Langgan UMI 50 pada 10/06/2021	Tidak layak untuk memenangi hadiah Bulan Pertama. Sebab: Tidak melanggan pelan dalam tempoh yang dinyatakan
Urus niaga 7	Tiada Isi Semula	Langgan UMI 36 pada 12/05/2021 melalui saluran dalam talian Maybank	Layak

- d. Apabila anda menyempurnakan langkah-langkah seperti yang disenaraikan dalam perenggan 4(a) di atas, anda akan dianggap sebagai peserta Kempen. Tiada borang penyertaan diperlukan.

5. Hadiah

- a. Peserta yang menyempurnakan langkah-langkah seperti yang disenaraikan dalam perenggan 4(a) di atas layak untuk memenangi hadiah tunai harian dan bulanan seperti yang dinyatakan dalam Jadual yang berikut:

Pemilihan Hadiah dan Pemenang		
Harian	Pulangan tunai RM5 (" Pulangan Tunai Harian ") Pulangan tunai akan dikreditkan dalam akaun pemenang prabayar U Mobile	250 orang/ sehari Jumlah Pemenang: 23,000
Bulanan	Pulangan tunai RM200 (" Pulangan Tunai Bulanan ") Pulangan Tunai Bulanan akan dikreditkan dalam akaun GoPayz pemenang selama 12 bulan berturut-turut. Pemenang bulanan mesti mempunyai akaun GoPayz yang berdaftar untuk layak memenangi hadiah	10 orang/ sebulan Jumlah Pemenang: 30

- b. **Hadiah Harian**

- i. Sejumlah 250 orang pemenang akan dipilih setiap hari bagi setiap urus niaga ke-100 yang berjaya berdasarkan Jadual di bawah. Hadiah harian itu akan diberi setiap bulan.

Bulan	Tempoh Kempen	Jumlah Pemenang yang Layak	Kriteria Pemilihan	Pemberian Hadiah
Bulan Pertama	10 Mei 2021 – 9 Jun 2021	7750	Setiap Urus niaga ke-100 yang Berjaya Misalnya: ke-100, ke-200, ke-300 dan seterusnya	Sebelum 15 Julai 2021
Bulan ke-2	10 Jun 2021 – 9 Julai 2021	7500	Setiap Urus niaga ke-100 yang Berjaya Misalnya: ke-100, ke-200, ke-300 dan seterusnya	Sebelum 15 Ogos 2021
Bulan ke-3	10 Julai 2021 – 9 Ogos 2021	7750	Setiap Urus niaga ke-100 yang Berjaya Misalnya: ke-100, ke-200, ke-300 dan seterusnya	Sebelum 15 September 2021

- ii. U Mobile akan memaklumkan kepada para pemenang harian mengenai kelayakan mereka untuk menerima Pulangan Tunai melalui SMS. Amaun Pulangan Tunai itu akan dikreditkan dalam Akaun Prabayar pemenang (dengan MSSIDN yang sama yang digunakan untuk menjalankan urus niaga). U Mobile hanya akan membuat satu percubaan untuk mengkreditkan amaun Pulangan Tunai itu ke dalam akaun prabayar pemenang. Sekiranya percubaan itu gagal atas apa juga sebab, amaun Pulangan Tunai itu akan ditarik semula.

Setiap bulan, seseorang peserta layak untuk memenangi maksimum sepuluh (10) kali hadiah harian. Pemenang harian layak untuk memenangi hadiah bulanan tertakluk pada perenggan 4(c)(iv) di bawah.

c. Hadiah Bulanan

- i. 10 orang peserta dengan jumlah nilai terkumpul tertinggi bagi urus niaga yang berjaya seperti yang diperincikan dalam perenggan 4(a)(i) atau (ii) dalam sebulan akan disenarai pendek sebagai pemenang bulanan.
- ii. Peserta yang disenarai pendek akan dihubungi melalui telefon dan perlu untuk menjawab satu (1) soalan dengan betul. Sekiranya soalan itu tidak dijawab dengan betul selepas dua (2) kali percubaan, ATAU sekiranya U Mobile tidak dapat menghubungi pemenang selepas dua (2) kali panggilan suara, pemilihan peserta yang disenarai pendek itu akan dibatalkan dan peserta yang disenarai pendek berikutnya (berdasarkan jumlah isi semula terkumpul tertinggi) akan dihubungi. Sekiranya peserta yang disenarai pendek itu adalah orang kurang upaya dan tidak dapat menjawab soalan tersebut secara lisan, penjaga/wakilnya yang sah boleh membantu untuk menjawab soalan berkenaan.

- iii. Pemenang hadiah bulanan akan dimaklumkan melalui telefon oleh wakil U Mobile. Hadiah akan diberi seperti yang berikut:
- (A) Pemenang perlu memuat turun dan mendaftar aplikasi GoPayz dan membuka akaun GoPayz di bawah MSSIDN dan no. KP/ Pasport pemenang (MSSIDN Prabayar U Mobile yang digunakan untuk menjalankan urus niaga) sekiranya pemenang tidak mempunyai akaun GoPayz yang sah. Pemenang mesti memastikan bahawa akaun Prabayar U Mobile dan akaun GoPayz didaftarkan di bawah MSSIDN dan no. KP/ Pasport yang sama untuk memenangi hadiah bulanan. Pemenang diberi maksimum 2 hari untuk memuat turun Aplikasi GoPayz selepas menerima panggilan telefon daripada wakil U Mobile, jika tidak, hadiah akan ditarik semula.
- (B) Sekiranya pemenang telah pun mempunyai akaun GoPayz, pemenang hendaklah memastikan akaun Prabayar U Mobile MSSIDN dan akaun GoPayz didaftarkan di bawah nombor Prabayar U Mobile MSSIDN dan no. KP/ Pasport yang sama untuk memenangi hadiah. Bagaimanapun, jika sebaliknya, U Mobile berhak mengikut budi bicara mutlaknya untuk memberi hadiah tersebut selepas penentusahan dibuat ke atas para pemenang.

Pemenang dikehendaki memberi, melalui e-mel kepada U Mobile, satu tangkapan skrin (screenshot) Profil Pengguna GoPayz mereka sebagai bukti akaun GoPayz pemenang (yang menunjukkan dengan jelas Prabayar U Mobile MSSIDN dan nombor KP/Pasport), bagi tujuan penentusahan. Sekiranya pemenang gagal berbuat demikian, hadiah akan ditarik balik.

- iv. Anda hendaklah memastikan akaun Prabayar U Mobile Prepaid dan akaun GoPayz anda aktif sepanjang Tempoh Kempen untuk layak mendapat Pulangan Tunai atau Pulangan Tunai Bulanan tersebut. Bagi akaun Prabayar U Mobile, "Aktif" bermaksud dapat membuat dan menerima panggilan. Bagi akaun GoPayz, "Aktif" bermaksud anda boleh membuat urus niaga melalui akaun GoPayz dan anda mesti memastikan akaun GoPayz anda Aktif semasa penebusan Pulangan Tunai atau Pulangan Tunai Bulanan. Sekiranya anda tidak mengekalkan status Aktif akaun Prabayar U Mobile dan akaun GoPayz anda, hadiah tersebut akan ditarik semula.
- d. Pemenang dikehendaki menghadiri majlis penyampaian hadiah (secara fizikal atau maya) seperti yang dijadualkan oleh U Mobile (pemenang perlu menunjukkan kad pengenalan mereka bagi tujuan penentusahan sebelum mengambil hadiah). Sekiranya pemenang tidak dapat menghadiri majlis penyampaian hadiah itu, pemenang dibenarkan untuk melantik seorang wakil untuk menghadirinya. U Mobile berhak untuk menagguhkan atau membatalkan penyampaian hadiah tanpa notis terlebih dahulu.
- e. Setiap peserta hanya layak untuk memenangi Pulangan Tunai Bulanan SEKALI sahaja dalam keseluruhan Tempoh Kempen.
- f. Semua nama pemenang akan disiarkan melalui laman web U Mobile atau apa-apa kaedah komunikasi yang U Mobile menganggap wajar.
- g. Hadiah diberi atas dasar "Seadanya" dan tidak boleh dipindah milik atau ditukarkan dengan tunai, sepenuhnya atau sebahagiannya. U Mobile tidak membuat jaminan nyata atau tersirat, terhadap kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu hadiah tersebut. U

Mobile berhak untuk menggantikan hadiah dengan barang lain yang sama nilainya pada bila-bila masa tanpa notis terlebih dahulu.

h. Am

- a. Keputusan U Mobile dalam apa-apa perkara berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad dan mengikat ke atas semua peserta. Sekiranya terdapat perkara yang timbul yang tidak terdapat dalam Terma dan Syarat ini, perkara itu akan ditentukan sendiri oleh U Mobile.
- b. U Mobile boleh mengubah Terma dan Syarat ini termasuk menamatkan atau menangguhkan Kempen ini dan melanjutkan Tempohnya. Apa-apa perubahan akan diumumkan melalui laman web kami dan sekiranya anda tidak bersetuju dengan apa juga perubahan, anda mesti memberhentikan penyertaan anda dalam Kempen ini dengan serta-merta.
- c. Semua hadiah yang diterima adalah atas risiko peserta sepenuhnya. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, U Mobile mengetepikan semua liabiliti berkaitan dengan Kempen ini. Semua peserta dan sekiranya peserta berumur di bawah 18 tahun, ibu atau bapa atau penjaga mereka bersetuju untuk melepaskan U Mobile daripada dan menanggung rugi U Mobile terhadap semua liabiliti (termasuk kecuai) bagi apa-apa kecederaan peribadi atau kerugian atau kerosakan (termasuk kehilangan peluang); sama ada secara langsung atau tidak langsung, khusus atau lanjutan daripada penyertaan dalam Kempen ini.
- d. Dengan mengambil bahagian dalam Kempen ini, semua peserta:-
 - i. mengizinkan U Mobile untuk mengumpul, merekod, memegang, menyimpan, menggunakan dan mendedahkan maklumat peribadi mereka yang diperlukan atau yang berkaitan dengan Kempen ini; dan
 - ii. mengizinkan U Mobile untuk mendedahkan atau menyiarkan maklumat peribadi mereka seperti nama dan identiti serta maklumat am lain yang U Mobile menganggap wajar mengenai peserta dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan; dan
 - iii. memberi U Mobile hak sepenuhnya dan tanpa halangan untuk mengubah suai, menggunakan dan menerbitkan apa-apa imej kekal atau bergerak peserta bagi apa-apa promosi, pemasaran, komersial atau tujuan lain yang berkaitan, tanpa apa-apa bayaran atau ganti rugi.
- e. Langganan dan penggunaan perkhidmatan mudah alih Prabayar U Mobile dan perkhidmatan GoPayz adalah tertakluk pada Terma dan Syarat Prabayar biasa U Mobile serta terma dan Syarat GoPayz dan mana-mana yang berkenaan, Terma dan Syarat ini. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseragaman, Terma dan Syarat Prabayar biasa U Mobile, mengikut keadaan, akan diterima pakai setakat mana ketidakseragaman tersebut.
- f. Kempen ini serta Terma dan Syaratnya dikawal oleh undang-undang Malaysia. Peserta bersetuju bahawa mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa ke atas semua perkara berikutan daripada Kempen ini.
- g. Sekiranya terdapat konflik antara versi Bahasa Inggeris dengan versi Bahasa lain, versi Bahasa Inggeris akan diterima pakai.

